

**LBS BINA CEBURI SEKTOR TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI,
ANUGERAH KONTRAK EPCC UNTUK PROGRAM CGPP BERNILAI
RM104 JUTA KEPADA SOLARVEST**

- Penyertaan LBS Bina dalam CGPP ke dalam sektor tenaga boleh diperbaharui.
- Solarvest Bina Ladang Solar 43 MWp untuk LBS Bina Consortium di Senawang, Negeri Sembilan.

Kuala Lumpur, 9 Oktober 2024 – Sebuah konsortium yang diketuai oleh pemaju harta tanah LBS Bina Group Berhad (“LBS Bina”) telah menganugerahkan kontrak Kejuruteraan, Pemerolehan, Pembinaan, dan Pentauliahan (“EPCC”) bernilai RM104 juta kepada pakar tenaga bersih serantau, Solarvest Holdings Berhad (“Solarvest” atau “Kumpulan”) untuk membina projek ladang solar berkapasiti 43 MWp.

Majlis menandatangani penganugerahan kontrak ini telah disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Sumber Asli, di Pameran dan Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau & Produk Eko Malaysia (IGEM). Projek ini menandakan kemasukan strategik LBS Bina ke dalam bidang sektor tenaga boleh diperbaharui di bawah Program Tenaga Hijau Korporat (“CGPP”).

Ladang solar yang bakal dibina di Senawang, Negeri Sembilan, dijangka siap menjelang akhir tahun 2025. Setelah pentauliahan, ia dijangkakan dapat menjana kira-kira 53,000 MWh tenaga bersih setiap tahun, sekaligus mengurangkan sekitar 35,000 tan pelepasan karbon dioksida. Ladang solar ini juga dijangka akan menyumbang sekitar 53,000 Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui (“RECs”) kepada pasaran, dan membantu pengguna korporat mencapai matlamat kelestarian mereka.

Penglibatan strategik LBS Bina dalam sektor tenaga boleh diperbaharui mengesahkan komitmenya terhadap kelestarian dalam pembangunan perniagaan. Inisiatif ini bukan sahaja selaras dengan matlamat persekitaran LBS Bina, tetapi juga melengkapi teras perniagaannya dalam pembangunan harta tanah dengan memperkaya tawaran produknya di masa hadapan dengan penyelesaian tenaga boleh

diperbaharui. Dengan membangunkan projek tenaga boleh diperbaharui di bawah CGPP, LBS Bina akan mewujudkan aliran pendapatan baru yang berulang setelah ladang solar beroperasi, sekaligus meningkatkan pendapatannya dalam jangka panjang.

Ladang solar ini dimiliki oleh Suria Hijauan Sdn Bhd ("Suria Hijauan"), yang merupakan konsortium yang terdiri daripada Setara Armada Sdn Bhd ("Setara Armada"), MWG Solar Energy Sdn Bhd dan Ocean Solar Energy Sdn Bhd. Setara Armada turut merupakan anak syarikat milik penuh LBS.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS Bina, Tan Sri Dato' Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San berkata, "Sebagai syarikat yang komited terhadap ESG, kami sentiasa menunjukkan dedikasi terhadap kelestarian. Hari ini menandakan satu pencapaian penting apabila kami meraikan penganugerahan kontrak EPCC kepada Solarvest melalui anak syarikatnya, Atlantic Blue Sdn Bhd, sebuah syarikat yang terkenal dengan penghasilan projek berkualiti tinggi, penyiapan projek mengikut jadual dan bajet. Kepakaran mereka memberi keyakinan dalam pembinaan kami, meningkatkan kredibiliti projek solar kami dan mewujudkan persekitaran kolaboratif dalam mencipta penyelesaian inovatif. Kami optimis bahawa kerjasama ini berupaya membantu kami mencapai matlamat projek sekaligus memajukan objektif kelestarian kami."

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Solarvest, En. Davis Chong Chun Shiong berkata, "Sebagai pemain industri tenaga bersih, kami teruja dengan peningkatan kesedaran ESG dalam kalangan korporat dan matlamat kelestarian mereka. CGPP menawarkan platform yang bernilai tinggi bagi pengeluar tenaga bebas seperti LBS Bina dan kami untuk menyumbang kepada pembangunan infrastruktur tenaga boleh diperbaharui. Solarvest berbesar hati dilantik oleh LBS Bina, salah satu pemaju harta tanah terkemuka di Malaysia, untuk menyediakan perkhidmatan EPCC bagi pembangunan ladang solar mereka. Projek ini menonjolkan keupayaan kami untuk melaksanakan projek solar yang kompleks, walaupun dalam keadaan yang mencabar seperti landskap berbukit di tapak. Dengan pendekatan inovatif dan perancangan projek yang terperinci, kami yakin bahawa kerja tanah asas sudah disiapkan untuk diteruskan dengan fasa pembinaan seterusnya."

Sehingga September 2024, buku pesanan EPCC Solarvest berjumlah RM582 juta. Kumpulan ini juga secara aktif mengejar peluang EPCC tambahan di bawah CGPP, dengan kapasiti sasaran sekitar 380 MWp, yang mewakili anggaran nilai projek sebanyak RM800 juta.

-tamat-